

01 OCT 1997

Mahathir - PECC

TIADA FAEDAH MEMISKINKAN NEGARA LAIN, KATA MAHATHIR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

SANTIAGO, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada siapa pun yang akan mendapat faedah melainkan spekulator dan manipulator mata wang akibat daripada usaha untuk memiskinkan negara lain.

"Siapa pun tidak mendapat apa-apa untung, bukan negara yang terlibat, bukan negara orang yang mengacau ekonomi negara yang berkenaan", katanya.

Berucap di persidangan Majlis Ekonomi Pasifik (PECC) ke-12 sebagai penceramah jemputan di satu majlis makan malam, Dr Mahathir menarik perhatian bahawa negara-negara kaya termasuk negara-negara membangun yang kaya, berpotensi menjadi rakan perdagangan yang baik.

"Jika kita memiskinkan negara-negara ini, kita umpama membunuh angsa yang menghasilkan telur emas kepada kita," katanya kepada 600 perwakilan yang terdiri daripada menteri, pembuat dasar, tokoh akademik dan pemimpin korporat dari negara-negara Lembangan Pasifik.

Beliau memberikan contoh kes Malaysia yang telah menjadi miskin sebanyak 23 peratus akibat serangan manipulator terhadap mata wang Ringgit.

"Akibat daripada penurunan nilai ringgit, Malaysia kini tidak dapat mengimport semua barang yang sebelum ini kami beli dari negara-negara maju".

"Pertama sekali kami perlu mempunyai wang 23 peratus lebih banyak untuk membeli apa-apa barang yang biasanya kami beli dan untuk mencari wang tambahan sebanyak itu bukanlah mudah".

"Jikapun kami perlu mengimport barang-barang ini, kami perlu mengurangkan sekurang-kurangnya 20 peratus. Negara maju akan rugi 20 peratus daripada pasaran Malaysia".

Dr Mahathir berkata selain itu, Malaysia juga telah diberitahu supaya mengurangkan defisit imbalan pembayaran dan hanya satu cara untuk berbuat demikian ialah dengan mengurangkan import.

Katanya, manipulator mata wang telah merencatkan ekonomi Asia Tenggara 10 hingga 15 tahun dan menyebabkan penduduk miskin yang tidak berdosa menjadi bertambah miskin.

"Hari ini negara-negara Asia Tenggara menjadi mangsa utama tetapi seperti yang kita tahu Mexico dan Brazil juga telah diserang. Begitu juga Afrika Selatan. Begitu juga beberapa buah negara Eropah Timur."

"Kita nampak seolah-olah sebaik sahaja sesebuah negara membangun nampak sudah kaya, ia akan diserang dan sekali lagi menjadi miskin," kata Dr Mahathir.

Ada pihak yang mahu untuk mempertahankan perdagangan bebas dan menganggap manipulasi mata wang dan jualan singkat sebagai sebahagian daripada perdagangan bebas tetapi ia tidak seharusnya begitu, kata Perdana Menteri.

"Jika kita tidak dapat menahan perdagangan mata wang, sekurang-kurangnya kita cuba mengadakan peraturan mengenainya".

Dr Mahathir juga berkata krisis di Asia Tenggara sekarang tidak ada kena-mengena dengan nilai-nilai Asia.

Malah sifat kuat berkerja, berdisiplin, komitmen kuat kepada masyarakat, berjimat dan sederhana merupakan nilai-nilai Asia yang telah menyumbang kepada kemunculan rimau dan naga Asia.

Sebaliknya nilai-nilai yang mempengaruhi manipulator untuk mencampakkan mata wang hanyalah semata-mata bersifat materialistik, tidak bertimbang rasa terhadap orang lain dan tidak menyayangi golongan miskin.

"Ia bukan nilai-nilai Asia yang mengecewakan kami tetapi sifat tamak haloba segelintir mereka yang menyebabkan berlaku krisis di negara-negara Asia," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA
SJ AAM OBA